

**UCAPAN ALU-ALUAN**  
**YBHG. DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN**  
**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**SEMPENA MAJLIS ANUGERAH PERKHDIMATAN CEMERLANG**  
**TAHUN 2012**  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**27 JUN 2013**

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan,  
Timbalan Menteri Kewangan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Nozirah binti Bahari,  
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan);

Pengarah-Pengarah Bahagian Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM),  
Pengarah-Pengarah Negeri dan Cawangan JANM, Penerima-penerima Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang yang diraikan dan seterusnya hadirin dan hadirat yang  
dihormati sekalian.

Assalamualaikum warah matullahiwabarokatuh, Salam Sejahtera, dan Salam 1  
Malaysia.

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya maka dapat kita bersama-sama berada di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 di Dewan Serbaguna, JANM Putrajaya ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia di atas kesudian YB Datuk hadir dan seterusnya menyempurnakan majlis pada pagi ini.

YBhg. Datuk/Datin/Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

2. Majlis yang bermakna ini adalah untuk meraikan warga kerja JANM yang telah menunjukkan prestasi dan perkhidmatan dengan cemerlang pada tahun perkhidmatan 2012.

Untuk makluman YB Datuk, pada tahun ini, seramai 188 orang pegawai JANM yang terdiri daripada 36 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 152 orang pegawai pelbagai peringkat jawatan di dalam Kumpulan Pelaksana yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JANM Tahun 2012.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang dihasratkan oleh jabatan dan bahagian masing-masing. Semoga semua penerima anugerah ini akan terus komited dan terus meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej dan kredibiliti JANM. Di samping itu, tuan-tuan dan puan-puan juga sebenarnya akan menjadi contoh dan tanda aras kepada penjawat awam lain dari segi pencapaian kecemerlangan.

Saya juga berharap semua warga JANM akan sentiasa konsisten dengan penghasilan kerja dan integriti yang tinggi walaupun tidak tersenarai sebagai penerima anugerah perkhidmatan cemerlang pada kali ini. Kekalkanlah semangat bekerja dalam sebuah pasukan dan terus bersatu hati mempamerkan kecemerlangan prestasi kerja JANM. Siapa tahu berkat usaha dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan akan dapat memperlihatkan kecemerlangan diri anda sendiri dan akan berpeluang untuk berdiri di atas pentas ini sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun hadapan pula.

YBhg. Datuk/Datin/Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Saya menganggap majlis seumpama ini bukan semata-mata untuk menyampaikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai yang cemerlang sahaja tetapi juga merupakan satu wadah kepada jabatan untuk muhasabah diri setakat mana pencapaian organisasi sehingga kini.

Sesungguhnya kecemerlangan sesebuah organisasi tidak bergantung kepada satu pihak semata-mata sebaliknya melibatkan semua peringkat. Untuk itu, JANM sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi di kalangan pegawai agar kualiti penyampaian perkhidmatan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa sehingga dapat memperolehi pencapaian di tahap yang amat membanggakan. Bak kata pepatah **“Bara yang digenggam biar sampai menjadi arang”**.

4. Di sepanjang tahun 2012, beberapa pengiktirafan dan pencapaian telah diperolehi oleh jabatan ini seperti pensijilan semula Amalan Persekitaran Berkualiti 5S dan MS ISO 9001:2008.

Untuk makluman Y.B. Datuk dan hadirin sekalian, JANM juga masih mengekalkan kecemerlangannya dalam penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKPP) di mana PKPP bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah sekali lagi mendapat Sijil Audit Bersih daripada Ketua Audit Negara pada 11 Jun 2013 yang lalu. Selain daripada itu JANM juga turut mengekalkan kecemerlangan dalam pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi pelaksanaan sistem HRMIS. JANM juga telah di beri pengiktirafan 5 bintang oleh MDEC bagi portal rasmi jabatan.

Pada hari ini, satu inisiatif baru telah diperkenalkan di mana pelanggan JANM boleh melayari Portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia versi mudah alih menerusi telefon bimbit / *PDA* / *Smartphone* dengan menggunakan capaian *Mobile Web JANM*. Ini merupakan salah satu usaha terkini JANM dalam mempertingkatkan sistem penyampaian sektor awam dan kepuasan pelanggan JANM.

Dalam pada itu, usaha gigih yang berterusan sentiasa di titikberatkan agar pelaksanaan perakaunan akruan kerajaan persekutuan dapat di capai sepenuhnya menjelang tahun 2015. Sehingga ke hari ini, program-program kesedaran telah dijalankan di pelbagai peringkat kementerian, jabatan dan agensi kerajaan persekutuan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2013 telah menerangkan tentang pelaksanaan perakaunan akruan bagi pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 serta menjelaskan tanggungjawab Pegawai Pengawal dalam pelaksanaannya. Jika mengikut perkiraan hari, hanya tinggal lebih kurang setahun setengah (18 bulan) sahaja lagi untuk pelaksanaannya. Walaupun masanya singkat, saya yakin dan percaya bahawa dengan berkat doa dan usaha gigih semua warga JANM dan semua yang terlibat akan merealisasikan aspirasi ini. In sya Allah..

YBhg. Datuk/Datin/Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Sesungguhnya kejayaan yang dikecapi ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang padu daripada tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga JANM. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua warga JANM dan warga perkhidmatan perakaunan yang telah menggembeleng tenaga dalam melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi di Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Saya yakin dan percaya bahawa melalui penghayatan dan pembudayaan falsafah YAB Perdana Menteri yang sering diwar-warkan oleh YB Datuk iaitu bekerja dengan **Amanah, Bijaksana, Cekap, Dedikasi, Efektif** untuk **Agama, Bangsa, Tanahair** bersama-sama dengan penghayatan nilai bersama Jabatan **(S.P.EC.IA.L)**, semua warga JANM akan sentiasa bersikap positif dan membudayakan prestasi kerja cemerlang serta mampu menempa kejayaan yang lebih cemerlang di masa-masa akan datang, insya Allah.

YBhg. Datuk/Datin/Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

6. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia di atas kesudian untuk hadir dan merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Ucapan penghargaan juga kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 dan semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya menghadaiahkan serangkap pantun,

Putih putih melati  
Merah merah delima  
APC penambat hati  
Teladan kepada semua

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Terima kasih.